




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 44 RABU 31HB. OKTOBER, 1973.

1393 رابو 4 شوال PERCHUMA



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Pmk M.B. puji kesabaran raayat hadapi kenaikan harga barang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengucapkan selamat hari raya kepada seluruh umat Islam di-Brunei, di-samping melahirkan rasa keshukoran yang mana umat Islam sama2 menikmati hari yang berbahagia sa-telah menunaikan puasa di-bulan Ramadhan.

Yang Amat Mulia ber-sabda, rukun puasa bukan saja menahan diri daripada lapar dan dahaga, tetapi yang lebih penting ia-lah menimbulkan keinsafan terhadap masalah2 yang di-hadapi s-tiap hari.

Menyentuh mengenai kenaikan harga barang2, Pemangku Menteri Besar itu juga menyatakan keshukoran-nya dan mengucapkan tahniah kepada seluruh raayat dan penduduk Brunei yang telah meng-

hadapi masaalah itu dengan keadaan tenang dan sabar.

Sabda Yang Amat Mulia, di-antara faktor2 yang menyebabkan kenaikan harga barang2 itu ia-lah perkara2 itu di-luar dari kawalan negeri ini dan keadaan yang sama juga sedang di-alami oleh negara2 lain.

Bagaimana pun, Pemangku Menteri Besar itu berseru kepada semua ahli2 perniagaan di-seluruh negeri ini supaya sama2 bertanggung jawab pada mengelakkan perbuatan2 yang suka mengambil kesempatan untuk menchari keuntungan yang lebih.

Yang Amat Berhormat menekankan, tabiat mengambil kesempatan untuk menchari keuntungan itu boleh mendatangkan kesulitan dan kepaya-han kepada kehidupan raayat dan penduduk negeri ini, dan dengan demikian ada-lah

(Lihat muka 8)

Raayat di-seru supaya mempertahankan keamanan dan keselamatan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bertitah bahawa ada-lah mustahak semua raayat dan penduduk Brunei sentiasa berusaha pada mempertahankan keamanan dan keselamatan negara dengan menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah-bahagi semata2 kepada Negeri Brunei Darus Salam.

Demikian titah ucapan 'Selamat Hari Raya' Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada seluruh Umat Islam di-Brunei.

Sembah uchap Selamat Hari Raya kpd. D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bagi pehak raayat dan penduduk negeri ini, dalam satu kawat yang di-kirim pada minggu lalu telah menyampaikan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang masa ini sedang berada di-luar negeri.

Kawat itu telah di-kirim kepada Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail yang menyertai rombongan Baginda di-luar negeri itu.

Melalui kawat itu juga, raayat dan penduduk Negeri Brunei menjunjong kaseh atas titah Hari Raya Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

Menerusi kawat itu, raayat dan penduduk Negeri Brunei berdo'a semoga Allah Subha-na-hu Wata'ala sentiasa memberikan kesentosaan dan sehat

(Lihat muka 8)

Duli Yang Maha Mulia ber-shukur bahawa Umat Islam telah selamat menyempornakan fardhu Ramadhan sa-bagai menunaikan kewajipan yang patoh kepada perentah Allah.

Baginda berharap bahawa raayat dan penduduk Brunei akan dapat sama2 mera'ikan 'Aidil Fitri' dengan penoh keshukoran di-atas segala rahmat yang telah di-berikan oleh Allah.

Duli Yang Maha Mulia saterus-nya bertitah, Negeri Brunei ada-lah sa-buah negeri yang kecil tetapi raayat baginda telah dapat menikmati serba sedikit kemajuan dalam berbagai bidang.

Untuk menikmati segala rahmat sa-chara berpanjangan Duli Yang Maha Mulia juga menekankan betapa penting-nya raayat dan penduduk Brunei mempertahankan keamanan dan keselamatan negara yang tidak berbelah-bahagi semata2 untuk Brunei.

Titah ucapan 'Selamat Hari Raya' Duli Yang Maha Mulia sepenoh-nya akan di-siarkan di-muka 2.

Uchap Selamat Hari Raya dari Paduka Seri Begawan Sultan

YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dengan menjunjong sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan sukachita-nya menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan kepada semua umat Islam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga mengucapkan terima kaseh kepada mereka yang telah menghantarkan kawat2 dan kad2 Hari Raya kepada Duli Yang Teramat Mulia.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah telah berkenan menyampaikan hadiah2 Hari2 Raya kepada 30 orang kanak2 di-rumah sakit umum Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Hadiah2 Hari Raya itu di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim bagi Daerah Brunei-Muara.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah di-iringi oleh Pengerusi Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj; Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa, Dr. P.I. Frank dan pegawai2 yang berkenaan.

Hadiah itu ada-lah merupakan hadiah tahunan sa-tiap menjelang Hari Raya yang di-berikan oleh Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim itu.

Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang kanak2 di-wad kanak2.

Pesakit2 terima hadiah Hari Raya

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamed Yunos bin Haji Husain selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Anak2 Yatim dan Orang Sakit di-Rumah Sakit Bangar telah menyampaikan hadiah berupa kueh dan minuman kepada pesakit2 di-Rumah Sakit Pekan Bangar pada minggu lalu.

Pembantu Rumah Sakit Bangar Awang Mohamed Said bin Zakaria selaku wakil kepada orang2 sakit itu menguchapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah Temburong, ahli2 jawatankuasa dan penderma2 atas usaha mereka itu.

Turut hadir di-upacara penyampaian itu ia-lah Yang Berhormat Awang Abu Bakar bin Baha, Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunos bin Mahmud, OCPD Bangar Inspector Zainal Abidin bin Sanip; Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Momin, Setia Usaha jawatankuasa; Awang Haji Mohamed Taib bin Orang Kaya Muda Haji Hassan, Bendahari; Kadzi Daerah Temburong, Haji Awang Abdul Salam bin Abdul Razak dan ahli2 jawatankuasa yang lain.

Perkhidmatan Melayu Radio Brunei telah menyiarkan lebih dari 30 buah ranchangan untuk menyambut Hari Raya yang lalu.

Radio Brunei telah melanjutkan masa siaran-nya sa-hingga 12.00 tengah malam sa-lama tiga malam berturut2.

Gambar kanan menunjukkan sa-bahagian dari kanak2 yang mengambil bahagian dalam ruangan kanak2 berhari raya ketika membuat rakaman di-studio.

PERUTUSAN HARI RAYA DARI D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN

ALLAH-HU Akhbar, Allah-hu Akhbar, Allah-hu Akhbar, walil-la-hilham.

Dengan mendahulukan ucapan shukor kehadarat Allah Subhanahu-Wataala dan salawat serta salam kepada junjongn besar kita Nabi Muhammad s.a.w. dan juga kepada shabat2 dan pengikut2 Baginda yang jujur lagi setia, maka Beta pada hari yang berbahagia ini dengan ikhlas-nya sukachita menguchapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua umat Islam di-negeri ini. Kita juga bershukor kepada Allah yang mana kita telah selamat menyempurnakan fardhu Ramadhan pada menunaikan kewajiban kita sa-bagai umat Islam yang patoh pada perintah Allah dan sekarang dapat-lah kita mera'ikan Aidil Fitri dengan penuh keshukoran di-atas segala rahmat yang telah di-berikan oleh Allah kepada kita semua.

Negeri Brunei ada-lah sa-buah negeri yang kecil, akan tetapi dengan izin Allah, kita telah dapat dan sedang menikmati serba-sedikit kemajuan dalam berbagai2 bidang. Untuk menikmati segala rahmat itu sa-chara berpanjangan, maka ada-lah mustahak supaya semua umat Islam dalam negeri ini dan juga seluroh raayat dan penduduk Negeri Brunei supaya akan sentiasa berusaha pada mempertahankan keamanan dan keselamatan negeri ini dengan menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi semata2 kepada Negeri Brunei Darus Salam.

Pada mengakhiri ucapan Beta ini, sekali lagi Beta menguchapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua umat Islam di-Negeri Brunei ini dan mudah2an segala perbuatan yang berkebaikan serta yang di-redzai Allah Subhanahu-Wataala itu akan mendapat rahmat Tuhan di-dunia dan di-akhirat.

Pembinaan 10 buah jambatan sepanjang jalan baru Seria/Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Kerja2 pembinaan 10 buah jambatan konkret di-sepanjang jalan raya baru di-Kuala Belait sedang berjalan lancar.

Kontrek pembinaan-nya telah di-berikan kepada sharikat Pemborong Brunei dengan m e n e l a n belanja kira2 \$155,000.00.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait menyatakan bahawa pulkol rata, tiap2 sa-buah jambatan ia-lah 14 kaki panjang dan 22 kaki lebar.

Kata-nya, kerja2 filing juga sedang berjalan lancar.

Kerja2 pembinaan itu telah dimulakan dalam bulan Jun tahun ini dan di-jadualkan siap menjelang pertengahan tahun depan.

Jalan Raya sa-panjang 3½ batu itu akan menghubungkan Jalan Jalan Tengah antara jalan bulatan di-batu lima dan Jalan Panglima di-Kuala Belait.

Ia-nya telah di-buboh tar sa-telah di-lapis dengan batu.

Jalan raya itu bagaimana pun, tidak akan di-buka kepada orang ramai sa-hingga senua jambatan2 itu siap dan ia-nya kemudian akan menjadi jalan pilehan dari Seria ka-Kuala Belait.



Sambutan Hari Raya

SERIA. — Kelab Melayu Shell Seria akan mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada awal bulan depan.

Sa-orang juruchakap kelab tersebut berkata beberapa pertandingan dalam sambutan itu.

Di-antara pertandingan2 itu termasuklah berzanji, pakaian ber-

agam, nyanyian lelaki dan wanita serta berpasangan dan ratu chante.

Peserta2 yang ingin memasuki pertandingan2 itu boleh-lah berhubung dengan Awang A.H. Ghafor Serbini di-Pejabat Kewangan, B.S.P. atau Awang A. Azamain di-Makmal Kajibumi, Seria.

TERLEBEH dahulu saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pehak penganjur majlis ini bagi mengalu-alukan kemenangan qari dan qariah kita dalam peraduan membaca Kitab Suchi Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa di-Kuala Lumpur yang baru lalu. Atas penghargaan kepada mereka, seperti majlis yang dianjurkan ini, ada-lah satu langkah yang memang wajar, apa lagi penghargaan2 itu di-adakan dari dorongan2 semangat kita untuk benar2 memajukan diri kita, bukan sahaja dalam bidang pembacaan Al-Quran, tetapi juga dalam bidang2 yang lain. Langkah sa-umpama ini, saya yakin, ada-lah merupakan satu tenaga pendorong dalam membangkitkan atau mengengahkan pembawaan2 kita, sa-bagai orang2 Brunei, yang tebal dengan hasrat untuk menikmati kemajuan2 yang di-redzai Allah dalam sa-genap bidang.

Kemenangan qari dan qariah kita yang kita ra'ikan ini, ada-lah merupakan satu pertolakan bakti yang cukup jelas bahawa kita juga berkebolehan untuk mencapai taraf pengetahuan sa-tinggi mana jua pun, asalkan kekhintaan kita terhadap ilmu2 pengetahuan yang diminati itu tidak sa-nipis kulit bawang, tetapi lebih tebal dan kuat dari besi waja. Ini-lah yang di-gelarkan semangat yang termaktub dalam kitab suchi Al-Quran. Al-Quran ada-lah satu2-nya kitab yang bukan sahaja suchi, tetapi mengandungi hikmat2 yang tiada terbilang banyak-nya bagi memimpin manusia berjalan di-atas lunas2 yang benar dan adil. Di-dalam-nya terkandung hikmat2 untuk mencapai dua dunia — ia-itu dunia yang kita hidup sekarang ini dan akhirat.

BERI PETUNJOK

Ugama kita memberikan petunjuk bahawa untuk mencapai dua dunia itu dengan kejayaan2 yang di-perlukan kita di-kehendaki menjalani dua perkara. Menurut hadith Nabi s.a.w. bahawa kedua-dua perkara itu ia-lah pertama: "berusaha-lah kamu untuk dunia kamu, sa-olah2 kamu akan hidup sa-lama2-nya"; dan kedua, "berusaha-lah kamu untuk akhirat, sa-olah2 kamu akan mati esok hari". Ini ada-lah menunjukkan bahawa untuk maju itu

Bakal2 haji di-minta jelaskan tambang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua bakal2 Haji Brunei yang menaiki kapal terbang ada-lah di-minta supaya menjelaskan wang tambang mereka tidak lewat pada hari Khamis 1hb. Nohember.

Sa-orang juruchakap Bahagian Urusan Haji di-Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata bahawa bakal2 haji yang telah membayar wang deposit hendak-lah menjelaskan semua bayaran tambang itu pada tarikh tersebut.

Bakal2 Haji yang telah mendaftarkan nama mereka tetapi belum membayar wang deposit hendak-lah juga membayar semua tambang2 itu pada tarikh yang sama.

Mereka yang tidak dapat menjelaskan semua bayaran tambang pada tarikh itu, bakal2 haji tersebut ada-lah di-anggap menarek diri menunaikan fardhu haji dan nama mereka akan di-potong dari daftar.

hendak-lah kita laksanakan usaha2 yang gigih dan berani dan tidak terkeluar dari ajaran2 Islam. Oleh yang demikian, maka tidak ada sebab mengapa kita, raayat Brunei, tidak boleh maju dan tidak berkebolehan untuk membangun negara-nya. Perkara ini hendak-lah di-fahami oleh jenerasi2 Brunei yang ada sekarang. Bakti2 yang kita berkebolehan untuk maju dalam apa jua bidang itu ada-lah semakin jelas kepada kita semua. Maka ada-lah mustahak bagi kita pula berusaha bagi memperkuatkan lagi bakti2 itu supaya ia-nya benar2 menjadi satu tangga yang paling kukuh untuk kita terus melangkah maju.

MERASA SHUKOR

Saya suka menyentuh mengenai dengan peribadatan di-kalangan jenerasi2 muda kita sekarang. Saya ingin melahirkan keshukoran saya bila mengetahui bahawa kebanyakan anak2 muda kita sekarang ini telah menampakkan

Al-Quran mengandungi hikmat2 untuk memimpin manusia ka-jalan yang benar

DARI ucapan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz di-Majlis Mengalukan qari dan qariah Brunei yang berjaya dalam Perandingan Membaca Al-Quran Antara Bangsa di-Kuala Lumpur yang berlangsung di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 25hb. Oktober yang lalu.

kekhintaan mereka terhadap ugama. Saya mendapat tahu bahawa di-sepanjang bulan Puasa, Mesjid Omar Ali Saifuddin menjadi tumpuan mereka pada sa-tiap tiba-nya waktu2 sembahyang, khas-nya pada waktu Dzuhur. Begitu juga di-sepanjang bulan Puasa ini tidak sa-orang pun orang2 Islam yang di-dapati kerana tidak berpuasa. Ini ada-lah merupakan tanda2 bahawa kekhintaan kita pada mendokong kesuchian Islam itu ada-lah tidak meragukan lagi. Akan tetapi kepada mereka yang maseh meringankan tanggong-jawab mereka terhadap ugama, maka saya suka menyeru mereka supaya merenongkan dengan sa-dalam2-nya akibat2 yang akan timbul di-kalangan jenerasi2 mereka yang akan datang, sekira-nya orang2 yang ada "karang ani" tidak menunjukkan kekhintaan terhadap ajaran2 Islam, ugama yang kita anuti itu. Kita telah sama2 menvedari bahawa penaruh2 asing telah pun merayap di-mana2 — dan saya

penoh yakin bahawa bagi memerangi pengaruh2 yang boleh menyelewengkan kehidupan kita itu hanya-lah dengan melalui kuat-nya ibadat kita kepada Allah.

Chara ini akan lebih mendatangkan kesan lagi dalam hasrat kita bersama untuk menjadikan Islam itu sa-bagai Ideologi Negara sa-bagaimana yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darus Salam.

SHABAS

Kapada qari dan qariah yang di-ra'ikan, saya ingin mengucapkan shabas atas kemenangan "abis kita" itu dan saya berharap "abis kita", termasuk pembaca2 Al-Quran yang lain di-negeri ini, akan sentiasa meneruskan usaha2 dalam mempelajari bacaan2 ayat2 suchi Al-Quran. Tujuan asas-nya bukan-lah hanya untuk menghadhiri pertandingan2, tetapi yang mustahak ia-lah untuk menyebarkan samula pengetahuan qari2 dan qariah2 di-negeri ini kepada raayat yang menghajatkan-nya.

Sekian terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullah-hi-wabarakatuh.

(Dari muka 4)

kita untuk sama2 berkorban dan berjuang di-bawah pimpinan Baginda. Sesungguh-nya, perjuangan yang suchi pada hari ini ada-lah untuk kebahagiaan anak chuchu kita hari esok.

Sikap memandang berat kepada yang lebih penting untuk hidup yang berpanjangan adalah satu petunjuk yang kemajuannya diri kita itu akan dapat di-chipta dengan baik-nya. Dalam keadaan negara kita yang serba muda dalam kemajuan itu ada-lah memerlukan tenaga2 yang berani berkorban dan pengorbanan kita itu pula adalah merupakan perintis dalam menchari pertapakan hidup yang sempurna untuk jenerasi yang pasti tumbuh dalam serba suasana yang baru.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin (atas) juga telah turut memberi ucapan dalam majlis tersebut. — Gambar JHEU/BP.

AHLI2 M. M. N. MELAWAT J. K. R.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan 8 orang ahli Majlis Mashuarat Negeri yang di-ketuai oleh Jurutulis Majlis Mashuarat, Awang Judin bin Asar telah melawat ka-Ibu Pejabat Kerja Raya di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Ketibaan mereka di-pejabat itu telah di-sambut oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish dan sa-lepas itu Yang Berhormat itu telah memberikan penerangan mengenai pentadbiran2 dan kerja2 jabatan tersebut.

Mereka juga di-bawa melawat ka-berbagai2 bahagian pejabat itu di-mana mereka telah mendengar penerangan oleh Jurutera Kerja Kanan, Awang Anthony Chin.

Sa-lepas itu, mereka telah pergi ka-Bengkel Jabatan Kerja Raya di-Jalan Tasek, Bandar Seri Begawan di-mana mereka di-sambut oleh Pemangku Jurutera Mekanik, Awang Abdul Kani bin Salleh.

Kemudian mereka terus melawat ka-berbagai2 tempat di-bengkel itu dan saterus-nya pergi ka-Depot Jabatan Kerja Raya di-Berakas di-mana mereka menerima penerangan mengenai kerja2 di-sana seperti membuat hot mix dan culvert, oleh Jurutera Jalan Raya Kanan, Awang Minano.

Lawatan Rombongan Ahli2 Yang Berhormat itu juga telah pergi ka-Layong, Tutong untuk melihat pusat jentera bekalan ayer Layong di-mana mereka di-sambut oleh Jurutera Ayer Kanan, Awg. B.T. Clark yang kemudian memberikan penerangan mengenai kerja2 di-sana.

Semasa di-Layong, mereka juga melawat pam ayer dan kilang penapis yang di-gunakan untuk menyalurkan ayer dari Sungai Layong dan membersehkannya sebelum di-salurkan melalui paip2 ayer ka-Bandar Seri Begawan dan ka-lain2 kawasan.

Awang Abu Bakar bin Haji Sapar, Pemangku Pegawai Kaki Tangan Jabatan Kerja Raya telah mengiringi mereka di-sepanjang lawatan itu.

PENDUDOK2 KAMPONG BINA SEKOLAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah sekolah Melayu sementara di-Kampung Bebuloh sedang dalam pembinaan oleh penduduk2 itu dan di-jadualkan siap dan dapat di-gunakan pada awal tahun depan.

Pembinaan sekolah itu di-awasi oleh Pejabat Daerah Brunei Muara sementara Jabatan Pelajaran akan menyediakan guru, buku2 teks dan lain2 kemudahan apabila sekolah itu di-buka nanti.

Tiga buah sekolah sementara — dua di-Daerah Belait dan sa-buah di-Daerah Temburong juga sedang dalam pembinaan dan di-jangka siap pada awal tahun depan.

Sekolah2 dalam pembinaan itu ia-lah di-Kampung Buau dan Kampung Apak2 di-Daerah Belait dan Kampung Selapun di-Daerah Temburong.

Semua sekolah2 sementara itu di-bina oleh penduduk2 kampung berkenan, sementara kemudahan2 pelajaran di-bekalkan oleh Jabatan Pelajaran.

Seria akan punyai balai bomba

SERIA. — Kerja2 pembinaan ka-atas balai bomba di-Seria yang bermula dalam bulan Julai yang lalu sedang berjalan lancar dan ia-nya di-jadualkan siap pada pertengahan tahun hadapan.

Balai bomba yang baru itu terletak di-jalan Raja Isteri dan menelan belanja kira2 \$260,000.00.

Tiga puluh peratus dari kerja2 ka-atas bangunan itu telah pun selesai.



Pesuruhjaya Kebajikan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh ketika menerima derma dari orang2 Tionghwa yang di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China, Awang Tan Thien Chin.

Lebeh \$3,000 dari orang2 China untuk mangsa2 kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri telah menerima wang berjumlah \$3,185.00 dari orang2 Tionghwa di-Bandar Seri Begawan untuk derma mangsa2 kebakaran di-Kampung Ayer dan kebakaran di-Kampung Kia-rong baru2 ini.

Derma itu di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China Bandar Seri Begawan, Awang Tan Thien Chin, di-Pejabat Kebajikan dan di-saksikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Te-

menggong Dato Seri Paduka Awg. Lim Cheng Choo, Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Konia Diraja Awang Lim Teck Hoo dan Awang See Ching Siong atau Se Bali pada minggu lalu.

Kutipan wang derma itu di-usahakan oleh Dewan Perniagaan China dari orang2 Tionghwa sa-chara sukarela menderma untuk mangsa2 kebakaran itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh semasa menerima derma itu telah mengucapkan berbilang terima kasih kepada penderma2 itu.

Yang Berhormat itu juga menerangkan, ini ada-lah satu perasaan yang sangat2 di-kehendaki oleh Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada rakyat dan penduduk negeri ini terutama-nya kepada orang2 China yang mengambil inisiatif membantu kepada rakyat dan penduduk yang menderita kesusahan seperti itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh menambah, perasaan itu harus di-pupok dan di-hidupkan dalam hati orang2 di-negeri ini, dengan tidak memandang bangsa, puak atau ugama dalam melaksanakan perkara2 yang berkebaikan sa-rupa itu.

Yang Berhormat itu berdo'a semoga Tuhan akan membalas jasa baik penderma2 yang ikhlas itu.

Surat lantekan

BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Awg. Yunus bin Haji Hussain telah menyampaikan surat lantekan sa-bagai Ketua Kampung Belingos kepada Awang Badas bin Kamaruddin dalam satu majlis mashuarat penghulu2, ketua2 kampung dan tuai2 rumah di-Pekan Bangar pada minggu lalu.

Awg. Yunus dalam ucapan-nya di-majlis itu mengharapakan supaya Awang Badas melaksanakan tugas2 dengan jujur dan ikhlas untuk mengendalikan kampung dan anak2 buah-nya ka-araf mencapai kemakmoran dan keamanan kampung itu.

Lantekan Awang Badas itu ada-lah bagi menggantikan Awang Donglah bin Baha yang telah bersara baru2 ini.



Bangunan baru Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang terletak di-Jalan Stoney. Pejabat itu telah berpindah dari bangunan lama yang terletak tidak beberapa jauh dari bangunan yang baru itu sejak 18hb. Oktober yang lalu.

AMALAN YG SALIH SEBAIK2 BEKALAN HIDUP UNTOK AKHIRAT

HENDAK-LAH tuan2 takutkan azab Allah, bahawa tidak-kah terang dan nyata kepada orang yang melihat dan mengambil pengajaran bahawa segala benda yang lain daripada Allah itu bina-sa kesudahan-nya dan kebanyakan manusia di-tipu oleh angan2 shaitan hingga kebanyakan mereka itu lalai tidak ada pada-nya perasaan bahkan bersifat dengan sombong dan membesarkan diri. Hingga bila-kah kita melayankan diri dan tertipu dengan perasaan kita? Pada hal Tuhan yang maha kuasa dan maha mengetahui tidak sekali2 lalai atas apa2 perbuatan dan amalan kita. Sampai bila-kah kita terus menerus malas mengerjakan surohan2 Allah dan menjauhi diri dari larangan2-nya?. Tidak-kah kita ketahui firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Hai kaum ku, sesungguhnya kehidupan yang ada di-dalam dunia ini semata2 kehidupan yang bersifat sementara sedangkan di-akhirat itu ada-lah keddiaman yang tetap dan kekal abadi".

Hendak-lah tuan2 takutkan balasan Tuhan yang maha perkasa dan hendak-lah tuan2 lindungi diri tuan2 dan keluarga tuan2 daripada api neraka dan hendak-lah tuan2 takutkan azab sengsara

pada hari mahshar di-mana tiada siapa yang tuan2 boleh berharap mendapat pertolongan daripada-nya melainkan kepada Allah Subhanahu-Wataala jua dan di-mana segala perbuatan dzalim dan jahat yang di-lakukan sendiri di-dunia akan menolok tuan2 ka-dalam api neraka.

Hendak-lah tuan2 perhatikan segala perbuatan2 kerana semua-nya itu akan di-bentangkan di-hadapan Tuhan yang mempunyai kekuasaan dan kebesaran, yang demikian hendak-lah tuan2 menyediakan bekalan2 ia-itu amalan yang salih untok persediaan menghadapi hari yang tiada boleh dapat pertolongan melainkan amalan kita sendiri dan hendak-lah tuan2 menyediakan persediaan itu dengan iman yang tegoh, beramal ibadat dan mengerjakan pekerjaan2 yang berfaedah lagi berkebaikan kepada diri, bangsa dan ugama.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

"Orang yang bijaksana itu ia-lah orang yang mengawal diri-nya bekerja untok persediaan sa-sudah mati, sebalik-nya orang yang lemah itu ia-lah orang yang membiarkan diri-nya mengikut hawa nafsu-nya serta berangan2 kepada Allah dengan berbagai2 angan2".

Pertunjukan pentas utk kutip tabong pembinaan stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan artis2 dari Singapura termasuk Jins Shamsuddin akan tiba di-Brunei hari ini untok mengadakan pertunjukan pentas sa-lama tiga malam di-negeri ini.

Pertunjukan pertama diadakan di-Pangpong Boon Pang Baharu di-Bandar Seri Begawan pada malam esok mulai 9.00 malam, di-samping

Chalun2 yang masok pereksa bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 8 orang penuntut bukan Melayu akan mengambil peperiksaan bahasa Melayu bagi darjah dua dan empat.

Peperiksaan itu akan di-adakan pada 1hb., 2hb. dan 3hb. Disember mulai jam 5.00 petang di-Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Seri Begawan.

Penuntut2 yang mengambil peperiksaan darjah dua ia-lah Ng Nguin Fong, Lim Kheng Hong, Ian Robert Anderson Handrie, Puan J. Lai dan Puan Ludwine Ibrahim E. Eckhout.

Penuntut2 yang mengambil peperiksaan darjah empat ia-lah Dayang Margaret Sylvester, Dayang Monica Tan dan P.A. Mohamed Ameen.

Mata pelajaran yang akan di-pereksa ia-lah bacaan dan lisan, renchana, karangan dan surat kiriman.

Peperiksaan itu di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Penuntut2 yang bukan Melayu, maseh berpeluang lagi untok mendaftar nama mereka untok memasuki peperiksaan itu.

tayangan perdana filem Melayu berjudul "Kabut Bulan Madu" dan sa-buah filem Hindustan berjudul "Bikhe Moti".

Pertunjukan pentas dan tayangan dua buah filem itu di-jangka memakan masa lebeh empat jam.

Pertunjukan yang sama dan tayangan filem untok malam kedua pada 2hb. Nobember akan di-adakan di-pangpong Capitol di-Kuala Belait dan di-Pangpong Puspas di-Seria, sementara malam ketiga akan di-adakan di-Pangpong Mohamed Hassan Bol-kiah Tutong pada 3hb. Nobember. Semua pertunjukan di-mulai jam 7.00 malam.

Pertunjukan pentas dan tayangan filem itu di-anjarkan oleh Seksi Kesenian dan Kebudayaan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei untok mengutip derma tabong pembinaan stadium.

Tiket2 berharga \$2.00, \$3.00, \$4.00 dan \$5.00 untok pertunjukan di-Bandar Seri Begawan dan \$1.00, \$2.00 dan \$3.00 untok pertunjukan di-Kuala Belait, Seria dan Tutong akan di-jual di-pintu masok sa-belum pertunjukan itu di-mulakan.

Jawatankuasa penganjor itu juga menyediakan tiga tiket bertuah kepada penuntut2 yang bernasib baik untok menerima sa-utas rantai emas.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 31hb. Oktober, hingga ka-hari Selasa 6hb. Nobember, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
31hb. Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
1hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
2hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
3hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
4hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
5hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
6hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Y.B. Pmk S.U.K. (duduk barisan depan no. 2 dari kiri) ketika hadir di-majlis mera'ikan kejayaan qari (Awang Haji Mashud, di-kiri sekali) dan qariah, Hajjah Dayang Damit dalam pertandingan membaca Quran Antara Bangsa di-K.L. baru2 ini. — Gambar JHEU/BP.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**

31hb. Oktober, 1973.

MENGUTAMAKAN YANG TERPENTING

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada masa ini sedang berada di-luar negeri atas urusan negara dan tentu-nya Baginda tidak dapat merayakan Hari Raya Puasa bersama2 dengan raayat Baginda. Namun demikian, dari titah khas Baginda yang di-siarkan melalui radio, maka dapat-lah di-sifatkan yang Baginda sa-olah2 bersama2 kita merayakan hari yang bahagia ini.

Di-samping itu satu hal yang penting yang harus kita renungkan ia-lah dari sikap Baginda yang lebeh mengutamakan urusan2 hal-ehwal negara dan terpaksa meninggalkan kita untuk sementara waktu dalam detik2 yang bahagia ini.

Pada pandangan kasar, maka memang-lah Baginda bersama2 raayat dalam detik2 yang sa-umpama ini, kerana pada kebiasaan-nya pada Hari Raya ini-lah merupakan hari raayat untuk menyembahkan keshukoran dan memohon ziarah kepada Baginda dan kerabat2 Diraja. Tetapi memandangkan perkara yang sa-umpama ini ada-lah bersifat ulang-berulang, maka perkara2 yang lebeh mustahak itu ada-lah memang patut di-utamakan, apa lagi mengenai dengan urusan2 kenegaraan. Ulang berulang yang di-maksudkan itu ia-lah sifat Hari Raya yang pasti tiba pada sa-tiap tahun itu dan kita pula pasti merayakan-nya sa-lagi umur di-kandong badan dan sa-lagi kita bertenaga. Ini tidak-lah bermakna yang kedatangan Hari Raya pada tahun ini tidak mendapat penghargaan. Kedatangannya memang di-alu2kan, tetapi kedatangan hari yang berbahagia ini tidak pula bermakna yang kita terpaksa meninggalkan atau mengeneipikan tugas2 yang lebeh mustahak. Mengutamakan yang lebeh mustahak itu nampak-nya menjadi salah satu sikap tegas Baginda. Baginda terpaksa meninggalkan suasana yang penuh dengan kegembiraan ini demi kepentingan negara dan raayat. Baginda terpaksa mengeneipikan suasana yang indah ini demi untuk menyempurnakan tanggungjawab yang lebeh besar terhadap negara dan raayat Baginda. Ini merupakan satu pengorbanan Baginda yang patut benar di-chatit dalam ingatan seluruh raayat.

Sikap kepemimpinan Baginda yang lebeh mengutamakan urusan2 negara daripada yang lain2-nya itu, patut-lah di-jadikan satu asas pimpinan untuk di-jadikan sandaran2 di-kalangan pehak2 yang masing2 mempunyai tanggung-jawab yang di-tentukan. Memang wajar di-fikirkan bahawa sedangkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri sedia berkorban meninggalkan tanah ayer dalam waktu2 yang serba manis ini semata2 kerana kepentingan negara dan raayat, apa tah lagi kita. Sebagai raayat yang menhincintai kemajuan, ada-lah wajar, bahkan masa-nya telah tiba buat

(Lihat muka 5)

PMK. M. B. MENGGESA AHLI2 PERNIAGAAN SUPAYA TIDAK MENGAMBIL KEUNTONGAN YANG BERLEBEHAN

SABDA sa-penoh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersempena Hari Raya Aidil Fitri. Sabda Yang Amat Mulia ini telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada malam Hari Raya yang lalu.



Pmk. Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin.

ALLAH-HU Akhbar, Allah-hu Akhbar, Allah-hu Akhbar, Walil-la-hilham.

Saya bershukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta dengan mendahulukan salam dan salawat bagi Nabi Besar kita Muhammad Salallah-hu Alaihi Wassalam serta pengikut2 dan sahabat handai-nya yang ta'at lagi setia. Pada hari yang berbahagia dan diberkati ini, walau pun saya berada di-luar negeri pada menjalankan tugas2 negara, saya ucapkan Selamat Berhari Raya kepada raayat dan penduduk Negeri Brunei dari seluruh pelusok Negara Brunei Darus Salam yang terchinta ini.

BERDISIPLIN

Kita sama2 bershukor bukan sahaja kerana sama2 menikmati hari yang berbahagia ini tetapi telah mendapat kesempatan pada menunaikan salah satu Rukun Islam ia-itu berpuasa pada bulan Ramadhan yang mana ia-lah satu chobaan dan latehan yang berdisiplin serta berguna bagi faedah2 menempoh kehidupan2 yang di-hadapi. Rukun berpuasa itu bukan-lah sahaja menahan daripada lapar dahaga tetapi lebeh penting lagi pada menimbulkan keinsafan terhadap sesuatu; istimewa terhadap masa'aloh2 yang kita hadapi sa-tiap hari. Dengan hal yang sa-demikian saya penoh yakin dan percha-ya pengalaman atau kesempatan yang telah sama2 kita lalui itu ada-lah satu perkara yang boleh di-sifatkan sa-bagai pemberian khas Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat manusia dan tergantunglah kepada kita semua untuk mengistilahkan serta menggunakan pengalaman2 itu sa-bagai panduan pada mengatasi

masa'aloh2 yang kita akan tempoh di-masa hadapan.

Kita harus juga bershukor kerana sa-tahun yang lalu itu telah merupakan satu kehidupan yang aman dan damai sentosa dan bahagia yang mana ia-lah kerana berkat daulat dan kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada mengekalkan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang benar2 Darus Salam pada sifat dan hakikat. Barang setentunya-lah dalam keadaan yang sa-perti itu kita juga telah menemui beberapa kerumitan2 istimewa kenaikan harga barang2, tetapi, alhamdulillah, saya ingin menyatakan keshukoran dan ucapan tahniah kepada seluruh raayat dan penduduk negeri ini yang telah menghadapi masa'aloh itu dengan keadaan yang tenang, bersabar serta dengan menjalankan usaha2 pada menuju ka-araf satu kehidupan yang lebeh baik, mewah dan sempurna.

DI-LUAR KAWALAN

Dalam pada itu walau pun kita akui bahawa antara faktor2 yang menyebabkan kenaikan harga barang2 ia-lah perkara2 yang di-luar kawalan kita yang mana sedang dialami pada masa ini di-negara2 lain, tetapi saya ingin berseru kepada ahli2 perniagaan di-seluruh tanah ayer supaya bersama-sama mempertanggung-jawabkan mengenai masa'aloh kenaikan harga barang2 ini dan pada mengelakkan perbuatan2 yang suka mengambil kesempatan pada mendapatkan keuntungan yang berlebehan. Tabi'at mengambil kesempatan yang boleh mendatangkan kesulitan dan

kepayahan kepada kehidupan raayat dan penduduk Negeri ini ada-lah satu perkara yang sangat2 bertentangan dengan keperluan2 pada membawa keselamatan, kesejahteraan serta keharmonian masharakat Brunei Darus Salam dan oleh yang demikian ada-lah menjadi tanggung-jawab tiap2 raayat dan penduduk negeri ini istimewa ahli2 perniagaan yang saya maksudkan itu supaya jangan mengamalkan tabi'at yang tidak elok itu. Pada mereka yang mengambil kesempatan dalam perkara ini saya percha-ya lambat laun, dengan kuasa Allah Subhanahu Wata'ala, akan menerima akibat-nya pada suatu ketika nanti.

JUJUR SERTA IKHLAS

Maka dengan semangat itu saya dan dari hati yang jujur serta ikhlas sekali lagi mengucapkan Selamat Berhari Raya pada Awang2 dan Dayang2 sekalian dan mari-lah kita sama2 berdo'a mudah-mudahan kehidupan yang lebeh bahagia akan dapat di-chapai di-bawah Panji2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darus Salam. Dan bersempena hari yang di-berkati ini mari-lah kita sama2 berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan di-lanjutkan usia Baginda Yang Di-Pertuan dan Kerabat Diraja serta seluruh raayat dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam dalam keadaan sehat walafiat dan kesentosaan jua. Amin ya rabbal 'alamin. Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Sa-bagai Pegawai Penyelidek

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Pegawai Penyelidek di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sa-banding dengan-nya;
- Mempunyai pengalaman kerja2 penyelidekan dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu; dan
- Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang menguasai (menulis dan bertutor) dan bahasa ia-itu bahasa Melayu dan Inggeris dan juga dapat menulis dan membacha jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 bulan termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb. Disember, 1973.

Sa-bagai Guru Ugama Terlateh

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk di-lantik sa-bagai Guru Ugama Terlateh di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus Kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Al-Juneid, Singapura atau yang sa-banding dengan-nya.
- Hendak-lah mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

Sa-bagai Penda'awa Mahkamah Kadzi

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penda'awa Mahkamah2 Kadzi di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Hendak-lah berumur tidak kurang 25 tahun.
- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Mesti-lah tahu menulis dan membacha jawi; atau

Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam Perjawatan Tetap tidak kurang dari 7 tahun dan mempunyai pengetahuan Ugama Islam. Mesti-lah-

Sa-bagai J-trengkas Inggeris

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan boleh menchatet trengkas sa-cheat 80 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — 410x20-510/EB/540x20-660. Gaji Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb. Disember, 1973.

Sharat2 Lantikan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantik sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb. Disember, 1973.

tahu menulis dan membacha jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan

itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap:

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. Disember, 1973.

Tawaran barang2 mentah Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah Arab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH" tanpa membubuh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurus, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nobember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu sekolah itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebih murah atau seumpama-nya.

Tawaran barang2 mentah Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA RAJA ISTERI ANAK DAMIT" tanpa membubuh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurus, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nobember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebih murah atau seumpama-nya.

Tawaran barang2 mentah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Maktab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN 1974" tanpa membubuh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurus, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nobember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebih murah atau seumpama-nya.

(Haji Abdullah Metassan)

b/p Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Rakyat boleh mencapai kemajuan dalam berbagai bidang asalkan ada kemahuan, kata Pmk SUK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz yakin, bahawa rakyat Brunei akan dapat menchipta berbagai2 lapangan kemajuan, asalkan kemahuan untuk menambahkan pengetahuan masing2 terus menerus di-laksanakan.

Menurut beliau, kebolehan rakyat Brunei untuk maju dalam apa jua bidang itu, telah dapat di-buktikan dengan jelas, berikutan dengan wujudnya usaha2 yang gigih, untuk mencapai kejayaan dalam satu2 matalamat sejak akhir2 ini.

Salah satu bakti yang jelas, kata beliau, ia-lah berikutan kejayaan qari dan qariah Brunei dalam peraduan

membaca kitab suci Al-Quran yang berlangsung di-Kuala Lumpur baru2 ini.

Berucap di-satu majlis meraikan wakil2 Brunei yang berjaya itu, yang berlangsung di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Khamis lepas, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu mensifatkan kejayaan2 mereka itu sebagai satu pertolakan bakti yang rayat di-negeri ini boleh mencapai kemajuan dalam apa jua bidang pun.

Yang Berhormat itu juga menimbulkan ajaran2 Islam yang sentiasa menggalakkan pengikut2-nya untuk melaksanakan usaha2 bagi mencapai kejayaan2 di-dunia dan di-akhirat.

Menyentuh mengenai dengan peribadatan di-kalangan jenerasi2 muda di-negeri ini, beliau melahirkan keshukoran-nya bila mengetahui bahawa kebanyakan belia2 telah menampakkan kekhintan mereka terhadap agama.

Kapada mereka yang maseh meringan2kan tanggungjawab terhadap agama. Yang Berhormat itu menyeru mereka supaya merenongkan didalam2-nya tentang akibat2 yang akan timbul dari kelemahan2 pada melaksanakan ibadat kepada Allah.

Beliau menyatakan, keyakinan-nya bahawa pengarah2 moden hanya akan dapat diperangi dengan kuat-nya ibadat sa-seorang itu kepada Allah.

Chara ini kata-nya akan lebel mendatangkan kesan lagi pada menjunjonan titah kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadikan Islam itu sa-bagai ideologi negara.

Kapada qari dan qariah di-negeri ini, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyakinkan mereka, bahawa tujuan asas pengajaran pembacaan Al-Quran bukanlah semata2 untuk menghadhiri pertandingan2 tetapi yang mustahak ia-lah menyebarkan semula pengetahuan mereka itu kapada rakyat yang berkehendakkan-nya.

Majlis tersebut di-hadhiri oleh pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dan lain2 ahli2 jawatankuasa peraduan membaca Quran sa-negeri Brunei.

Sa-banyak 3,370 tan beras untuk keperluan negeri ini telah tiba dari Hong Kong pada minggu lalu.

Bekalan beras itu ada-lah sa-bagian dari 5,000 tan yang di-pesan oleh Kerajaan dan baki-nya sa-banyak 1,630 tan lagi akan tiba tidak lama lagi.

Gambar kiri menunjukkan beras tersebut sedang di-punggah untuk di-angkut ka-Bandar Seri Begawan.



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika berucap di-majlis tersebut. — Gambar JHEU/BP.

Pengorbanan di-hargai

(Dari muka 1)

wal-afiat kapada Baginda dan keluarga Diraja.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan berdatang sembah menerusi kawat itu bahawa walau pun seluruh rakyat berdukacita tidak dapat bersama2 Baginda berhari raya pada tahun ini, tetapi rakyat Baginda bersukor dan menghargai sapenoh-nya atas pengorbanan tidak dapat berhari raya dalam negeri di-sebabkan menyempurnakan tugas2 negara yang juga bagi kepentingan rakyat.

Rakyat dan penduduk Negeri Brunei berdo'a semoga Baginda mencapai kejayaan.

Bagi pehak rakyat, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan juga telah mengirim kawat yang berasingan untuk menyembahkan Selamat Hari Raya kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang juga sedang berada di luar negeri.

Keharmonian

(Dari muka 1)

satu perkara yang bertentangan dengan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Brunei.

Pemangku Menteri Besar itu selanjut-nya berharap kapada semua ahli2 perniagaan supaya jangan mengamalkan tabiat demikian kerana Yang Amat Mulia perchaya perbuatan yang tidak di-ingini itu akan mendatangkan akibat yang tidak baik kapada ahli2 perniagaan itu sendiri pada satu masa nanti.

Pembinaan kompleks Pulis Simpanan di-Seria berjalan lancar

KUALA BELAIT. — Pembinaan kompleks Unit Pulis Simpanan dekat Ibu Pejabat Pulis Panaga sedang berjalan lancar.

Kontrek itu telah di-tawarkan kapada General Contractor Yong Tze Kiok yang menelan belanja kira2 \$2.7 juta.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata apabila selesai nanti, kompleks itu akan mengandungi 72 unit barek, dua buah rumah kelas 'E', 30 tempat menyimpan kereta, pejabat senjata, bilek pengawal, dean, bilek latehan, surau, padang tembak, bangunan semboyan dan padang perbarisan.

Kemudahan2 untuk sukan juga akan di-adakan dalam kompleks itu dengan dua gelanggang badminton, satu se-

pak raga dan sa-buah padang.

Juruchapak itu berkata kira2 60 peratus kerja2 bagi peringkat pertama telah selesai dan sa-banyak 30 peratus lagi bagi peringkat kedua.

Kerja dalam peringkat pertama merupakan pembinaan barek2; dua buah rumah kelas E, dua gelanggang badminton, satu sepak raga, 30 buah tempat menyimpan kereta, jalan raya, saloran parit dan tanaman rumput.

Peringkat kedua merupakan pejabat senjata, bilek pengawal, dewan, padang tembak, surau, bangunan semboyan, steshen kechil letrik dan VHP, padang perbarisan, tangki ayer sa-besar 50,000 gelen, parit dan pagar.

Pembinaan kompleks tersebut di-mulakan dalam bulan Ogos tahun ini dan di-jangka siap pada akhir tahun depan.

